PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTER
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : http://www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.200.5/2/1 Jld. 7(22)
Tarikh : 3 November 2026

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Datin//Tuan/Puan,

PERINGATAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2026/2027 DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Meteorologi Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Kelesteraian Alam telah mengeluarkan kenyataan media pada 23 Oktober 2026 berkenaan permulaan Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027.

3. Menerusi kenyataan media tersebut, MTL 2026/2027 dijangka bermula **27 Oktober 2026 dan berterusan sehingga Mac 2027.** Semasa fasa awal MTL dari November 2026 hingga Januari 2027, tiga hingga lima episod hujan lebat berterusan dijangka berlaku yang boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berhampiran sungai dan berkedudukan rendah. Menjelang fasa akhir MTL dari Januari hingga Mac 2027, taburan hujan dijangka berkurangan, terutamanya di negeri-negeri utara Semenanjung dan Sabah. Keadaan ini akan menyebabkan cuaca panas dan kering serta berpotensi berlakunya gelombang haba yang lebih ekstrem berikutan pengaruh fenomena El Niño sangat kuat (Super) yang sedang berlaku.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk memastikan semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam menghadapi bencana banjir dan fenomena El Niño berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2021: Penambahbaikan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

...2/-

5. Dalam memastikan tahap kesiapsiagaan institusi pendidikan sentiasa berada pada tahap yang baik sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027 dan menghadapi kemungkinan cuaca panas serta fenomena Super El Niño, pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dimohon untuk memastikan semua institusi pendidikan di bawah pentadbiran masing-masing mengambil tindakan awal dan sewajarnya seperti yang berikut:

5.1 Kesiapsiagaan Menghadapi Monsun Timur Laut dan Banjir:

a) memastikan perancangan awal berkaitan pergerakan atau penempatan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke pusat peperiksaan dilaksanakan lebih awal, termasuk mengenal pasti lokasi dan keberadaan calon yang berpotensi terjejas akibat banjir serta menyediakan pelan tindakan alternatif sekiranya laluan ke pusat peperiksaan terputus atau kawasan kediaman calon dinaiki air;

b) memastikan aset dan peralatan penting yang mudah rosak akibat banjir seperti komputer, komputer riba, tablet, peralatan elektronik, dokumen penting serta buku teks dipindahkan lebih awal ke lokasi yang lebih tinggi dan selamat sekiranya terdapat risiko banjir;

c) melaksanakan advokasi secara berterusan kepada murid mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berlaku banjir, khususnya menjaga kesihatan dan keselamatan diri, mengelakkan aktiviti yang boleh mendedahkan mereka kepada risiko serta bahaya semasa banjir dan memastikan buku teks yang diterima dijaga dengan baik serta ditempatkan di lokasi yang selamat bagi mengelakkan kerosakan atau kehilangan akibat banjir; dan

d) memastikan guru dan warga sekolah yang berkaitan mempunyai pengetahuan serta kefahaman asas untuk memberikan bantuan kecemasan awal sekiranya berlaku situasi kecemasan di sekolah sementara menunggu bantuan daripada pihak berkuasa atau agensi berkaitan.

5.2 Kesiapsiagaan Menghadapi Cuaca Panas dan Fenomena Super El Niño:

a) membuat persediaan awal bagi menghadapi kemungkinan gangguan bekalan air, termasuk memastikan bekalan air bersih yang mencukupi sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga hari berdasarkan keperluan dan kapasiti institusi pendidikan;

b) menyelaras keperluan bekalan air bersih bagi tujuan penyediaan air minuman dan memasak, khususnya untuk operasi kantin sekolah dan dewan makan asrama serta, sekiranya perlu, mempertimbangkan penyediaan air minuman berbotol kepada murid yang berkeperluan;

c) menyediakan pelan tindakan dan penyelarasan bersama pihak berkuasa tempatan serta agensi berkaitan bagi menangani kemungkinan gangguan atau terputusnya bekalan air di sekolah supaya kebajikan, kesihatan dan keselamatan warga sekolah dapat terus dipelihara; dan

...3/-

d) memastikan pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah mengambil kira keadaan dan suhu semasa. Aktiviti berkenaan masih boleh dilaksanakan pada sebelah pagi sebelum suhu mencecah **35 darjah Celsius**, dengan pemantauan berterusan terhadap keadaan cuaca dan tahap kesihatan serta keselamatan murid.

6. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, maklumat berkaitan kejadian bencana dan ramalan cuaca terkini terutama semasa Monsun Timur Laut boleh dirujuk menerusi:

6.1 Laman sesawang Portal Bencana NADMA Malaysia;
6.2 Laman sesawang Public Info Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia;
6.3 Laman sesawang atau Aplikasi Mobil myCuaca MET Malaysia; dan
6.4 Laman sesawang atau Aplikasi infoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat.

7. Pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan juga dimohon untuk **memanjangkan peringatan ini kepada semua pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan di bawah pentadbiran masing-masing** serta memastikan tindakan kesiapsiagaan dan advokasi berkaitan dilaksanakan sewajarnya.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ZAINAL BIN ABAS)

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan

Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan

Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan